

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DR. AZMAN BIN ISMAIL

KAWASAN : KUALA KEDAH

TARIKH : 20 MEI 2015 (RABU)

NO. SOALAN : 39

YB. DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan sama ada Malaysia mempunyai sebarang strategi khusus untuk melabur di Cuba dan memanfaatkan hubungan kita dengan Cuba sebaik mungkin memandangkan dasar luar Amerika Syarikat yang berubah terhadap Cuba.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Cuba adalah rakan dagang Malaysia yang ke-15 terbesar di kalangan negara-negara di benua Amerika Latin pada tahun 2014, dengan jumlah dagangan sebanyak RM147.89 juta (US\$45.23 juta). Jumlah ini merupakan 0.4% daripada jumlah perdagangan Malaysia dengan benua Amerika Latin, iaitu jumlah dagangan tertinggi yang pernah dicatatkan

sejak hubungan rasmi antara Malaysia dan Cuba bermula pada tahun 1975.

Nilai eksport ke Cuba berjumlah RM28.27 juta (US\$8.64 juta), iaitu 0.2% daripada jumlah eksport Malaysia ke Amerika Latin dan jumlah import pula ialah sebanyak RM119.62 juta (US\$36.58) atau 0.4% daripada nilai import dari benua Amerika Latin. Cuba merupakan pasaran eksport Malaysia yang ke-24 terbesar dan sumber import ke-13 terbesar di Amerika Latin.

Pada tahun 2014, produk-produk utama yang dieksport ke Cuba termasuklah makanan yang diproses, produk elektrik dan elektronik, produk getah dan produk kimia dan bahan kimia. Manakala import utama dari Cuba adalah produk-produk petroleum.

Tuan Yang Di Pertua,

Sehingga 2014, tiada pelaburan syarikat-syarikat Malaysia di Cuba dan buat masa ini tiada strategi khusus dirangka untuk menggalakkan pelaburan Malaysia di negara Cuba. Namun begitu, berikutan hubungan baik Malaysia dengan Cuba, beberapa usaha sama dan memorandum persefahaman yang merangkumi bidang seperti bioteknologi, penjagaan kesihatan, dan pendidikan telah diusahakan. Kerjasama ini berpotensi mewujudkan peluang pelaburan syarikat-syarikat Malaysia di Cuba pada masa depan. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan agensi-agensi di bawahnya sentiasa bersedia bekerjasama dengan mana-mana pihak yang berhasrat untuk meneroka peluang pelaburan di Cuba.